

Najib Terima Kunjungan Menteri Luar China, Wang Yi
Bernama
1 Ogos, 2013

PUTRAJAYA, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerima kunjungan hormat Menteri Luar China Wang Yi, di pejabatnya di sini, Khamis.

Dalam pertemuan hampir satu jam itu kedua-dua mereka membincangkan antara lain mengenai hubungan dua hala kedua-dua negara, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Sebelum kunjungan itu, Wang Yi mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Anifah Aman di Wisma Putra di Putrajaya.

Wang Yi berada di Malaysia dalam lawatan sulungnya sehari ke negara ini sejak menyandang jawatan itu pada Mac lepas bersama enam anggota delegasi.

Lawatan itu mencerminkan kepentingan berterusan China terhadap hubungan dengan Malaysia menerusi perdagangan dan kerjasama ekonomi yang menjadi aspek utama dalam hubungan ini.

Perkembangan kerjasama antara Malaysia dan China dalam bidang lain seperti kebudayaan, pelancongan, pendidikan, pertahanan, penguatkuasaan undang-undang, sains dan teknologi juga menyumbang ke arah hubungan yang lebih dinamik di antara kedua-dua negara.

Hubungan diplomatik Malaysia dan China bakal mencecah 40 tahun pada 2014.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967679>